
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HKT 504 – KAEDAH PENYELIDIKAN KESUSASTERAAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

- 2 -

1. Pilih satu permasalahan kajian dalam bidang Kesusasteraan, kemudian sediakan satu proposal untuk kajian tersebut
2. Tradisi lisan yang berbentuk verbal sangat sesuai dikaji dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Terangkan dengan jelas bagaimana anda menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data kajian dan masalah-masalah yang dihadapi.
3. Kemukakan satu persediaan untuk menjalankan wawancara dengan orang atau pihak tertentu berhubung dengan sambutan masyarakat terhadap novelis Shahnnon Ahmad dan karya-karyanya. Jelaskan kelebihan kaedah ini berbanding dengan kaedah soal selidik.
4. Terangkan dengan jelas tentang kaedah Filologi. Kemukakan satu gerak kerja untuk menghasilkan sesuatu edisi bagi naskhah-naskhah tertentu yang dikaji. (Anda boleh menggunakan *Sulalatus Salatin* selenggaraan A. Samad Ahmad atau *Hikayat Merong Mahawangsa* selenggaraan Siti Hawa Salleh sebagai panduan)
5. Penyelidikan dalam bidang Kesusasteraan biasanya tidak lengkap jika tidak menggunakan kaedah dokumentasi. Bincangkan kepentingan kaedah ini dan jelaskan bagaimana kaedah ini menjadi pelengkap kepada kaedah-kaedah lain dalam sesuatu kajian.

- ooo0ooo -